

Pengamalan Akhlak dan Kepemimpinan Kepala Sekolah Dasar Islam dalam Pembentukan Sekolah Efektif

Triyo Supriyatno*

Abstract

This article suggests that practically Islamic Ethics (Akhlak) of school leadership plays a central role in school improvement and effectiveness. Practically Islamic Ethics (Akhlak) is the ability to understand and manage akhlak nazari and akhlak amali in the self, teachers, staff and students. Three major aspects of practically Islamic Ethics (Akhlak), understanding (tafakkur), appreciation that includes muraqabah and muhasabah to enhance cognitive process and decision making, and practice about Akhlak Islam that include riyadhah is described. This article also discusses how practically Islamic Ethics (Akhlak) contributes to school effectiveness by focusing on elements of school leadership and standard of leadership competencies which include two aspects that is personality and social aspect.

Keyword: *Practice Islamic Ethics, Leadership, and Effective Schools*

Pendahuluan

Kepala sekolah merupakan orang penting dalam memajukan lembaga pendidikan di Indonesia. Mereka perlu berfikiran kreatif dalam pengurusan dan berhubungan dengan guru dan juga pelajar daripada mementingkan gaya atau stail kepemimpinan (Meindl, 1990). Terdapat banyak teori kepemimpinan pendidikan yang didukung dengan pelbagai dapatan kajian, namun begitu bagaimana kepemimpinan pendidikan berjaya atau gagal mempengaruhi guru dan pelajar dalam memajukan sebuah sekolah masih menjadi persoalan.

Selain itu, Dalam kajian mengenai kepimpinan (Stogdill, 1974, Edmond, 1979, Nor Azian, 1994), pengaruh kepimpinan adalah amat penting dalam menentukan kejayaan sebuah organisasi. Pengaruh dan kecakapan pemimpin dapat membawa ke arah kecemerlangan sebuah organisasi. Oleh karena itu, organisasi seperti sekolah, pengaruh kepimpinan dan kecakapan kepala sekolah amat penting dalam menentukan kejayaan sekolah di bawah pimpinannya. Peranan kepala sekolah dalam menangani pelbagai masalah yang melibatkan sama ada staf di bawah pimpinannya, komunita di dalam di sekitar sekolah, atau pun urusan di peringkat atas mempengaruhi prestasi sekolah.

* Dosen PAI Fakultas Tarbiyah UIN Maulana Malik Ibrahim Malang
Jl. Gajayana No 50 Malang 65144

Pengamalan Akhlak dalam Perspektif Ulama

Menurut al-Jurjani (1971), akhlak di dalam Islam adalah suatu naluri yang sehati di dalam jiwa seseorang. Dengan akhlak, manusia akan dapat melahirkan perbuatan-perbuatan yang mudah tanpa perlu berfikir dan melihat terlebih dahulu. Naluri yang bersih akan melahirkan perbuatan yang baik pada pandangan akal dan syarak, manakala naluri yang kotor akan menghasilkan perbuatan akhlak yang buruk (Ali Muhammad al-Jurjani, 1971). Begitu juga al-Qurtubi menjelaskan definisi akhlak sebagai suatu perbuatan manusia yang bersumber dari adab dan kesopanan (al-Qurtubi, 1913).

Imam al-Ghazali (1976) dalam bukunya *Ihya' Ulumuddin* menjelaskan definisi akhlak (*ethics of soul*) sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa seseorang, dari jiwa dan hatinya akan terbentuk perbuatan yang mudah dilaksanakan dengan tidak berkehendak kepada pertimbangan akal fikiran terlebih dahulu (al-Ghazali, 1976). Menurut Ibnu Manzur pula, definisi akhlak adalah suatu yang merupakan gambaran bagi sifat dalaman manusia yang mana sifat-sifat dalaman tersebut akan terus dizahirkan melalui watak dan tingkahlaku mereka sama ada baik mahupun buruk (Abu al-Fadli Jamal al-Din Ibn Manzur, 1990).

Manakala Ibn Miskawaih pula mendefinisikan akhlak sebagai suatu keadaan jiwa yang mengatur seseorang untuk melakukan sesuatu perbuatan tanpa pertimbangan fikiran terlebih dahulu (Ahmad Ibn Muhammad Ibn Miskawaih, 1961). Dalam pada itu, menurut Abu Bakar Jabir al-Jazairi (1976), akhlak adalah sesuatu yang membentuk jiwa tertanam dalam diri manusia yang menimbulkan perbuatan baik dan buruk, terpuji dan tercela dengan cara disengajakan.

Hamzah Ya'kub (1991) memperjelaskan lagi tentang pengertian akhlak yaitu suatu perkara yang menetapkan setiap perbuatan sebagai sumber moral. Dengan lain perkataan, ukuran baik dan buruk pada setiap perbuatan adalah berlandaskan kepada ajaran Islam yang bersumberkan al-Qur'an dan Sunnah. Dalam pada itu, akhlak juga mengajar dan membentuk tingkah laku manusia menjadi baik dan menjauhkan manusia dari tingkah laku buruk. Dengan kata lain, jelaslah bahwa akhlak adalah bersifat universal dan komprehensif serta dapat diterima oleh manusia dari pelbagai bangsa dan agama pada sepanjang zaman,

dengan ajarannya yang praktis dan tepat serta bersesuaian dengan fitrah (naluri) dan akal fikiran manusia.

Miqdad Yaljin (1973) pula telah merumuskan akhlak yang meliputi dua dimensi yaitu zahir (kelakuan) dan batin (kejiwaan), yang terbit secara semulajadi atau dimiliki melalui latihan dan sebagainya yang akhirnya diterima sebagai adat atau tabiat semulajadi. (Miqdad Yaljin, 1973). Demikian Muhammad Aklah (1986) pula berpendapat bahwa akhlak ialah sesuatu yang lahir dari hati yang sudah sehati dengan tingkah laku tersebut, dari hati muncul suatu tingkahlaku secara spontan tanpa berfikir terlebih dahulu, sekiranya hati itu melahirkan tingkahlaku terpuji tepat dengan kehendak syarak dan diterima oleh akal, maka hati itu dinamakan hati yang bersih, jika hati itu melahirkan tingkahlaku yang jahat, maka hati itu dinamakan hati yang kotor. Oleh karena itu, penekanan syarak di dalam pembentukan akhlak ialah dengan membersihkan hati dan mengukuhkan akhlak yang baik di dalamnya (Muhammad Aklah, 1986).

Kesimpulannya, jelas menunjukkan bahwa kebanyakan para ulama dan sarjana Islam menjelaskan bahwa akhlak terbitnya dari hati, yang mengajar juga membentuk tingkah laku menjadi baik serta mengajar menjauhkan diri dari perkara yang buruk, ia tidak mengarah, tetapi dapat mengatur fitrah semulajadi manusia atau perilaku manusia kepada tingkah laku yang mulia berlandaskan akal dan syarak.

al-Ghazali ini memperjelaskan ruang lingkup serta ciri-ciri 'kebaikan dan kewajaran' yang mesti dimiliki oleh empat rukun kebatinan manusia untuk membolehkan mereka menjadi berakhlak baik. Dapat kita perhatikan ketajaman dan ketepatan pemerhatian al-Ghazali dalam memberikan ciri-ciri 'baik dan wajar' kepada empat elemen batin manusia tersebut. Walaupun pemerhatian beliau dibuat kira-kira sepuluh abad yang lepas, namun dapat kita merasakan betapa cerapan dan kesimpulan yang dibuat oleh beliau itu tepat dan betul hingga ke hari ini, malahan kita yakin hal tersebut akan terus menjadi hingga ke hari ini, malahan kita yakin hal tersebut akan terus menjadi tepat dan betul sampai bila-bila selama mana manusia terus menjadi makhluk manusia. Sememangnya manusia akan tetap menjadi orang yang baik apabila kekuatan ilmunya dapat memberi panduan kepada dirinya untuk membezakan di antara yang baik dan

yang buruk, di antara yang hak dan yang batil, di antara benar dan dusta. Demikian pula manusia akan berkelakuan baik dalam kehidupan hariannya di tengah masyarakat apabila daya marah serta kekuatan syahwat dirinya ditundukkan kepada petunjuk akal dan syarak.

Konsep akhlak yang baik dan sebagaimana unsur akhlak tersebut boleh direalisasikan oleh makhluk manusia dalam diri mereka masing-masing. Beberapa aspek kebatinan yang mereka miliki itu perlu dilatih dan dikawal sebaiknya supaya pemiliknya boleh menyumbang ke arah kebaikan dalam muamalah harian dan kehidupan bermasyarakat masing-masing. Tamsil yang di bawa oleh al-Ghazali dalam hubungan ini adalah cukup menarik dan memberikan kemudahan untuk difahami konsep yang dibawanya. Sememangnyaalah ‘anjing pemburuan’ serta ‘kuda tunggangan dalam pemburuan’ mesti dilatih dan dikawal dengan baik supaya ia dapat digunakan untuk tujuan pemburuan. Jika tidak, kedua-duanya tidak mungkin dipergunakan oleh manusia untuk tujuan kebaikan dalam hidup mereka.

Dengan itu, jelaslah kepada kita bahwa akhlak yang baik itu akan hanya dapat dimiliki oleh seseorang manusia apabila setiap diri mereka tersebut berupaya mengembang dan membawa potensi-potensi diri yang mereka miliki yaitu upaya ilmu, kekuatan marah, kekuatan syahwat dan kekuatan keadilan ke arah yang diredai oleh akal murni dan syarak. Justeru itu, dapat pula kita fahami secara umum bahwa apa yang dimaksudkan dengan akhlak yang baik itu ialah apa-apa juga perlakuan yang muncul di permukaan diri manusia hasil terjemahan kepada suatu keadaan yang sudah sedia sebatinya dalam dirinya dan mestilah pula sesuai dengan kehendak syarak dan akal murni manusia.

al-Ghazali secara jelas menyebut mengenai peranan akal dan syarak. Kedua-dua perkara ini dirujuk oleh al-Ghazali sebagai piawai pengukur kebaikan dan keburukan akhlak seseorang. Ini bermakna bahwa pengukuran kualiti akhlak itu ditentukan oleh akal dan syarak. Kedua-duanya menjadi sumber rujukan kepada perlakuan akhlak manusia. Apa-apa yang baik dalam ukuran syarak dan akal, maka itu dikategorikan sebagai akhlak yang baik dan begitulah sebaliknya. Bertolak daripada pangkal utama inilah, kita dapati kalangan para moralis muslim mengembangkan system akhlak Islam dan merumuskan bahwa keseluruhan

system tersebut terasas di atas dua tabi'i atau karektor, yaitu karektor Ilahi dan karektor kemanusiaan. Perincian kepada kedua-dua karektor berkenaan boleh dirumuskan seperti berikut.

Pertama: Karektor Ilahi, yaitu dirujuk kepada system atau perlakuan yang dikehendaki oleh Allah swt. Sistem atau perlakuan tersebut wajib diikuti oleh manusia dalam kehidupan duniawi ini mengikut cara khusus yang telah sedia ditetapkan oleh Allah swt. Maka itu, dalam konteks ini Allah Swt. menurunkan wahyu memerihalkan gambaran jelas mengenai sistem yang dikehendaki tersebut, lalu memerintahkan manusia supaya ikut serta bersama melaksanakan system berkenaan sepenuh hati dan dengan penuh keiklasan dalam kehidupan mereka di dunia ini demi kerana mencari keredaan Allah swt. Tergolong ke dalam sistem ini ialah seumpama sistem peribadatan yang melibatkan sembahyang, puasa, zakat, haji dan lain-lain. Manusia tidak ada pilihan misalnya, untuk sembahyang hanya sekali sehari, sedangkan sistem menetapkan supaya sembahyang ditunaikan lima kali sehari. Dalam kata lain, dalam sistem berkarektor Illahi ini, faktor manusia hanyalah sebagai pelaksana sahaja, tidak lebih daripada itu.

Kedua: Karektor kemanusiaan, yaitu merujuk kepada sistem umum yang dalam sesetengah seginya tidak ditentukan secara terperinci oleh wahyu Ilahi; malah wahyu Ilahi tersebut hanya mengungkapkan dasar-dasar umum sahaja kepada sistem berkenaan. Dalam kata lain, terdapat ruang-ruang terbuka dalam sistem umum tersebut yang mesti dimasuki oleh manusia. Ini juga bermakna bahwa karektor kemanusiaan ini mesti juga difahami dalam konteks bahwa ia wujud dan berperanan dalam kerangka besar sistem Ilahi, bukannya di luar daripada kerangka besar. Manusia tidak diberi kebebasan penuh sehingga, misalnya boleh melanggar peraturan umum yang terdapat dalam kerangka besar sistem Ilahi. Terkelompok ke dalam karektor kemanusiaan ini ialah hal-hal seumpama sistem politik dalam Islam. Wahyu Ilahi dalam konteks sistem politik ini misalnya, tidaklah datang dalam bentuk terperinci pada segenap seginya; apa yang ada berupa indikasi serta ciri umumnya sahaja. Maka itu, perjalanan sebuah negara, misalnya perlulah mengatur perjalanan kerja-kerja amali harian pemerintahnya berdasarkan ciri umum yang diberikan oleh wahyu Ilahi tersebut. Di sinilah manusia perlu menyumbangkan kesungguhan dan ijtihad akalnyanya untuk

menentukan arah perjalanan amali harian kepada sistem umum yang seumpama sistem politik tersebut.

Namun perlu dicatatkan bahwa karektor Ilahi itu sebenarnya memperincikan istilah yang digunakan oleh al-Ghazali sebagai aspek syarak, sedangkan karektor kemanusiaan itu pula merujuk kepada aspek akal sebagaimana yang dijelaskan oleh beliau. Kedua-dua aspek ini bergabung memberikan citra kepada keseluruhan sistem akhlak dalam Islam. Hal ini sekaligus memberikan kita kefahaman betapa sistem akhlak Islam itu cukup luas sekali, seluas kehidupan manusia itu sendiri. Sebenarnya, tidak ada satu ruangpun, walau sekecil mana sekalipun ruang tersebut, dalam keseluruhan kehidupan manusia itu yang vakum dan tidak dijejaki oleh system nilai yang diberikan oleh sistem akhlak Islam. Ini ialah kerana, apa-apa juga perkara yang tidak terkandung secara terperinci dalam wahyu Ilahi, maka ia akan ditampung oleh akal manusia yang akan beroperasi menerusi satu institusi khusus dalam Islam yang digelarakan menerusi satu insitutsi khusus dalam Islam yang digelarakan sebagai ijtihad. Manusia muslim itu pula amat digalakkan untuk berjihad bagi menyelesaikan pelbagai persoalan yang timbul dalam kehidupan harian mereka, sehinggalah kalaupun salah sesuatu ijtihad yang dibuat itu, masih lagi diberikan peruntukan satu pahala oleh Islam, yaitu separuh pahala ijtihad yang betul, kerana sesuatu ijtihad yang betul itu diberikan peruntukan oleh Islam untuk mendapat dua pahala.

Jadi, gambaran dan kefahaman yang dapat dibina berdasarkan huraian seperti di atas ialah bahwa system akhlak Islam yang mengawal keseluruhan perjalanan system hidup Islam itu adalah cukup lengkap dan sempurna, asalkan sahaja umat Islam itu sendiri sanggup menjadi manusia yang dinamik, kritis serta kreatif menggunakan potensi akal yang dimiliki oleh mereka. Makhhluk manusia itu, sesungguhnya diberi peruntukan yang cukup oleh Islam untuk bergerak bebas, asalkan sahaja pergerakan itu tidak melangkau kerangka besar system Ilahi yang direncana secara konkrit menerusi kehadiran wahyu dan pengutusan rasul. Islam menyakini sepenuhnya bahwa tidak ada apa-apa lagi kebaikan untuk diri manusia itu sendiri yang perlu dicari oleh mereka di luar daripada kerangka besar system Ilahi tersebut. Ini kerana system Ilahi itu adalah dirangka oleh Allah Swt.sendiri, dan Allah swt.yang sama itulah juga yang mencipta manusia. Maka itu, secara

logiknya tentulah Allah swt.yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihi (Al-Fatihah:3) itu amat faham dan tahu keperluan serta kepentingan sebenar kehidupan diri manusia yaitu makhluk ciptaan-Nya yang paling baik dan paling mulia (Al-Isra':70).

Dalam Ihya' dan Mizan, kita boleh temui catatan al-Ghazali yang memperincikan cara-cara modus operandi untuk melakukan perubahan akhlak dari keadaan yang tidak selaras dengan akal dan syarak, menjadi berubah kepada keadaan yang selaras dengan kedua-dua sumber rujukan tersebut. Dalam konteks ini, dua pendekatan yang terkandung dalam dua istilah yang disarankan oleh beliau untuk diguna pakai dalam proses pembentukan akhlak, yaitu al-mujahadah (kesungguhan pelaksanaan bagaikan satu jihad) dan al-riyadah (latihan) seperti dicatatkan dalam pendekatan kedua di atas. Dalam kata lain, kerangka besar setiap pelan bertindak usaha pembentukan akhlak itu mestilah diisi penuh dengan kegiatan al-mujahadah dan al-riyadah yang berfungsi sebagai modus operandinya. Ini bermakna bahwa al-Ghazali menyarankan supaya pembentukan akhlak itu mestilah dengan penuh kegigihan dan bersungguh-sungguh (*Mujahadah*).

Berdasarkan petikan di atas terbinalah kefahaman bahwa akhlak memerlukan kemantapan dan kesebatian sesuatu sifat di dalam diri seseorang, maka pendekatan yang disaran oleh al-Ghazali supaya diguna pakai dalam proses pembentukannya ialah secara berlatih melakukan sesuatu sifat akhlak yang hendak dibentuk tersebut. Dalam latihan berkenaan, seseorang mesti pula bersungguh-sungguh menekuni dan memaksa diri, kerana sebagaimana yang kita sedari, sesuatu sifat tertentu itu tidak mudah untuk bertapak kukuh dalam diri seseorang, melainkan setelah ia dipupuk secara sempurna dan diberikan pengukuhan tertentu. Dalam konteks ini, latihan itu ialah al-riyadah dan 'bertekun memaksa diri secara bersungguh-sungguh' itu pula ialah al-mujahadah; yaitu dua pendekatan yang dicatatkan oleh al-Ghazali seperti di atas. Beliau yakin bahwa semua sifat akhlak yang terpuji akan boleh dibentuk dalam diri manusia dengan menggunakan dua cara tersebut.

Keseluruhan pandangan al-Ghazali dalam hubungan dengan proses pembentukan akhlak ini menunjukkan bahwa proses berkenaan perlu bermula dengan cuba mengenai pasti nilai akhlak yang hendak dibentuk dan apabila

kepastian sudah diperoleh, maka proses al-riyadah dan al-mujahadah perlu dilaksanakan bagi memastikan kejayaan pembentukan akhlak berkenaan. Bagaimanapun, dalam konteks Islam, proses pertama itu sudah sedia terungkap dengan baik dalam saranan-saranan al-Quran dan sunnah. Apa-apa yang agak umum dalam saranan wahyu Ilahi tersebut, perlu diijtihadkan oleh akal manusia bagi disesuaikan dengan tuntutan waktu dan tempat di mana mereka hidup. Maka itu, apa yang perlu dilakukan oleh manusia muslim dalam konteks ini ialah mempersiapkan diri bagi melaksanakan tahap kedua daripada apa yang disarankan oleh al-Ghazali tersebut.

Standard Kompetensi Kepemimpinan Sekolah

Dalam pelaksanaan Pasal 38 ayat (5) Peraturan Pemerintah Nombor 19 Tahun 2005 tentang Standar Nasional Pendidikan perlu menetapkan Peraturan Menteri Pendidikan Nasional tentang Standar Kepala Sekolah.

Kelayakan Umum Kepala sekolah Sekolah adalah sebagai berikut:

1. Memiliki kelayakan akademik sarjana (S1) atau diploma empat (D-IV) kependidikan atau nonkependidikan pada perguruan tinggi yang terakreditasi.
2. Pada waktu diangkat sebagai kepala sekolah sekolah berusia setinggi-tingginya 56 tahun.
3. Mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 5 (lima) tahun menurut jenjang sekolah masing-masing, kecuali di TK mempunyai pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 3 (tiga) tahun di TK.
4. Memiliki pangkat serendah-rendahnya III /c bagi pegawai negeri sipil (PNS) dan bagi non-PNS disetarakan dengan kepangkatan yang dikeluarkan oleh yayasan atau lembaga yang berwenang.

Standard kompetensi Kepala Sekolah dasar meliputi:

- a. Berstatus sebagai guru sekolah dasar
- b. Memiliki ijazah pendidik sebagai guru sekolah dasar dan
- c. Memiliki ijazah kepala sekolah, yang diterbitkan oleh institusi yang ditetapkan Pemerintah.

Tabel Kompetensi Kepala Sekolah

NO	DIMENSI KOMPETENSI	KOMPETENSI
-----------	---------------------------	-------------------

1.	Keperibadian	<p>1.1 Berakhlak mulia, meliputi mengembangkan budaya dan tradisi akhlak mulia, dan menjadi teladan akhlak mulia bagi komunitas di sekolah.</p> <p>1.2 Memiliki integritas keperibadian sebagai pemimpin.</p> <p>1.3 Memiliki keinginan yang kuat dalam pengembangan diri sebagai kepala sekolah sekolah.</p> <p>1.4 Bersikap terbuka dalam melaksanakan tugas utama dan fungsi.</p> <p>1.5 Mengendalikan diri dalam menghadapi masalah dalam pekerjaan sebagai kepala sekolah sekolah</p> <p>1.6 Memiliki bakat dan minat jabatan sebagai pemimpin pendidikan.</p>
2	Manajerial	<p>2.1 Menyusun perancangan sekolah untuk pelbagai peringkat perancangan.</p> <p>2.2 Membangunkan organisasi sekolah sesuai dengan keperluan.</p> <p>2.3 Memimpin sekolah dalam rangka pendayagunaan sumber sekolah secara optimum.</p> <p>2.4 Menguruskan perubahan dan pembangunan sekolah menuju organisasi pembelajar yang efektif.</p> <p>2.5 Menciptakan budaya dan iklim sekolah yang kondusif dan inovatif bagi pembelajaran peserta didik.</p> <p>2.6 Menguruskan guru dan staf dalam rangka pendayagunaan sumber daya manusia secara optimum.</p> <p>2.7 Menguruskan sarana dan prasarana sekolah dalam rangka pendayagunaan secara optimum.</p> <p>2.8 Menguruskan hubungan sekolah dan masyarakat dalam rangka pencarian dukungan idea, sumber belajar, dan pembiayaan sekolah.</p> <p>2.9 Menguruskan peserta didik dalam rangka penerimaan peserta didik baru, dan penempatan dan pembangunan kapasiti peserta didik.</p> <p>2.10 Menguruskan pembangunan kurikulum dan aktivitas pembelajaran sesuai dengan arah dan tujuan pendidikan nasional.</p> <p>2.11 Menguruskan kewangan sekolah sesuai dengan prinsip pengurusan yang akuntabel,</p>

		telus, dan cekap.
		2.12 Menguruskan ketatausahaan sekolah dalam mendukung pencapaian tujuan sekolah.
		2.13 Menguruskan unit layanan khusus sekolah dalam mendukung kegiatan pembelajaran dan kegiatan peserta didik di sekolah / madrasah.
		2.14 Menguruskan sistem informasi sekolah dalam mendukung penyusunan program dan membuat keputusan.
		2.15 Memanfaatkan kemajuan teknologi informasi bagi peningkatan pembelajaran dan pengurusan sekolah.
		2.16 Melakukan monitoring, evaluasi, dan pelaporan pelaksanaan program kegiatan sekolah dengan prosedur yang tepat, serta merancang tindak lanjutnya.
3.	Kewirausahaan	3.1 Mencipta inovasi yang berguna bagi pembangunan sekolah.
		3.2 Bekerja keras untuk mencapai kejayaan sekolah/madrasah sebagai organisasi pembelajar yang efektif.
		3.3 Memiliki motivasi yang kuat untuk berjaya dalam melaksanakan tugas pokok dan fungsinya sebagai pemimpin sekolah.
		3.4 Pantang menyerah dan selalu mencari penyelesaian terbaik dalam menghadapi kendala yang dihadapi sekolah.
		3.5 Memiliki naluri kewirausahaan dalam menguruskan aktivitas pengeluaran / layanan sekolah sebagai sumber belajar peserta didik.
4.	Supervisi	4.1 Merancang program supervisi akademik dalam rangka peningkatan profesionalisme guru.
		4.2 Melaksanakan supervisi akademik terhadap guru dengan menggunakan pendekatan dan teknik supervisi yang tepat.
		4.3 Menindaklanjuti keputusan supervisi akademik terhadap guru dalam rangka peningkatan profesionalisme guru.
5.	Sosial	5.1 Bekerja sama dengan pihak lain untuk kepentingan sekolah
		5.2 Berpartisipasi dalam kegiatan sosial kemasyarakatan.
		5.3 Memiliki kepekaan sosial terhadap orang atau kelompok lain.

Sekolah Efektif

Perkembangan Sekolah Efektif ini boleh dibahagikan kepada empat peringkat (Peter Mortimore,1996):

1. Pada peringkat pertama (1950-an),masyarakat menaruh keyakinan yang penuh terhadap keupayaan sekolah. Masyarakat berpendapat bahwa *“education would overcome all the problems caused by ignorance and poverty.”* Namun demikian,pendidikan pada masa tersebut tidak dapat memenuhi kehendak mereka.
2. Pada peringkat kedua (1960-an),Coleman (1966) telah mendapati bahwa,*“There is no relationship between the amount of resources available to schools and the achievement of the students who had attend them.”* Beliau berpendapat bahwa faktor kejayaan seseorang pelajar amat bergantung kepada kriteria peribadi dan keluarganya. Ketika itu kepercayaan penuh masyarakat terhadap kemampuan sekolah dalam pendidikan anak-anak mereka telah pudar.
3. Pada peringkat ketiga (1970-an sehingga 1980-an), Pergerakan Sekolah Efektif (*Effective School Movement*) telah menjadi pudar. Penyelidik-penyelidik Konsep Sekolah Efektif berpendapat bahwa,*“Schools are one of the competing influences on the lives of children and young people,not power enough to surmount all the other influences (genetics, familial social and financial) but strong enough to make a difference to the lives of individuals.”*
4. Pada peringkat keempat (1990-an), sarjana-sarjana telah menonjolkan konsep dan idea *‘Schools Improvement’*. Misalnya Peter Mortimore menegaskan bahwa *“Effective organizations are able to improve and thereby raise standards of achievement; relatively ineffective ones, could go either way.”*

Persepsi Umum tentang Keefektifan Sekolah

1. Sekolah efektif ialah pelajar di sekolah tersebut mendapat kejayaan cemerlang dalam prestasi penilaian akademik di peringkat sekolah, nasional, mahupun internasional.
2. Ialah cara pembelajaran dengan baik, pelajar yang cemerlang dan guru-guru yang berpretasi.

3. Pelajar cemerlang, sekolah bersih, indah dan permai, guru yang bagus.
4. Ibu bapa, guru-guru dan murid bekerjasama bagi mencemerlangkan sekolah dari segi akademik, kokurikulum, keceriaan dan sebagainya.
5. Menjadikan sekolah cemerlang dari semua aspek tetapi biar bidang akademik lebih menjadi-menghasilkan murid yang mempunyai kesedaran, disiplin dan cita-cita tinggi. Taat kepada Tuhan.

Persepsi Keefektifan Mengikut Para Pengkaji

Di Amerika Syarikat kebanyakan pengkaji mengukur keefektifan sekolah berasaskan 'output' yaitu pencapaian dalam ujian piawaian mata pelajaran matematik dan bacaan. Di UK, pembolehubah proses seperti kedatangan, kelakuan, kelakuan pelajar dan peningkatan skor pencapaian digunakan sebagai pengukur keefektifan.

Edmonds (1979) mendefinisikan keefektifan bukan sahaja dari segi kualiti hasil tetapi juga dari segi kesaksamaan. Mengikut beliau, keefektifan sekolah diukur berdasarkan kejayaannya meningkatkan penguasaan akademik kanak-kanak kurang beruntung sehingganya kadar bilangan kanak-kanak kurang beruntung yang menguasai akademik sama seperti bilangan anak-anak kelas menengah yang menguasainya. Juga, sekolah tidak layak diiktiraf sebagai efektif jika tidak memberi kesaksamaan peluang pendidikan.

Rowan (1983) pula menyarankan empat cara mengenal pasti sekolah yang efektif: (1) menentukan kriteria ini yang khusus seperti peratus pelajar yang mencapai lebih daripada median kebangsaan, (2) analisis tren yang menunjukkan skor dalam gred yang tertentu telah meningkat dari semasa ke semasa, (3) skor yang meningkat bagi sesuatu kohort, dan (4) pencapaian sekolah berbanding dengan latar belakang pelajarinya.

Mortimore (1991) merumuskan sekolah yang kerkesan ialah sekolah yang pelajarinya meningkat lebih daripada apa yang diharapkan jika diambil kira latar belakang mereka.

Sergiovanni (1987) juga mendefinisikan keefektifan sekolah berasaskan peningkatan sekolah. Beliau menyenaraikan lapan kriteria untuk mengukur keefektifan peningkatan dalam skor ujian, (2) peningkatan dalam kehadiran, (3) pertambahan dalam bilangan tugasan penulisan dan kerja rumah, (4) pertambahan

peruntukan untuk Matematik, Bahasa Inggeris, Sains dan Sejarah, (5) penglibatan komuniti dan ibu bapa, (6) penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum, (7) ganjaran dan pengiktirafan bagi pelajar dan guru, dan (8) dukungan yang berkualiti untuk pelajar istimewa.

Stoll dan Fink (1996) mendefinisikan keefektifan sekolah seperti berikut: (1) sentiasa meningkat dari tahun ke tahun, (2) menggalakan peningkatan untuk semua pelajar lebih daripada apa yang dijangkakan jika diambil latarbelakang dan kebolehan asal mereka, (3) memastikan setiap pelajar mencapai setinggi yang mungkin potensinya, (4) menggalakkan semua aspek perkembangan dan pencapaian pelajar.

Ciri-Ciri Sekolah Efektif

Peter Mortimore seorang Profesor terkemuka dari Institute of Education, University of London telah mengenalpasti sebelas ciri sekolah efektif. Ciri-ciri tersebut mempunyai kaitan yang rapat dengan proses pembudayaan kecemerlangan. Ciri-ciri yang mewujudkan keefektifan sekolah ialah:

1. **Kepimpinan Ikhtisas**
Yaitu kepala sekolah atau guru besar yang tegas mempunyai tuju yang jelas, mengamalkan pendekatan penyertaan bersama di dalam pengurusan sekolah dan mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang disegani serta dikehendaki.
2. **Pengkongsian wawasan dan matlamat.**
Sekolah seumpama ini mempunyai tuju hala yang dikongsi bersama oleh semua anggota dan mempunyai semangat kekitaan serta kerjasama yang tinggi.
3. **Suasana pembelajaran yang unggul.**
Sekolah memperlihatkan suasana yang aman dan teratur serta memiliki suasana pembelajaran yang menggalakkan.
4. **Penumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran.**
Sekolah menumpukan perhatian kepada pengajaran dan pembelajaran semaksimum mungkin. Fokus sekolah adalah terhadap pretasi pelajar.
5. **Pengajaran yang mempunyai tuju hala yang jelas.**
Sekolah mendekati tugas pengajaran dengan jelas, bersistem dan boleh diubahsuai mengikut keadaan.
6. **Pengharapan yang tinggi kepada pelajar.**
Sekolah mempunyai harapan yang tinggi terhadap pelajarnya, dan memaklumkan pelajarnya tentang pengharapan tersebut. Tidak ada siapa yang dikeji, bahkan semuanya mendapat pujian dan galakan untuk meraih pencapaian yang setinggi mungkin.
7. **Penggalakan yang positif.**
Sekolah seumpama ini memberi galakan yang hebat dan bersungguh kepada pelajar-pelajarnya.
8. **Pemantauan kemajuan.**

Sekolah mempunyai sistem yang baik untuk memantau kemajuan pelajarpelajarnya supaya mereka mendapat maklum balas yang baik untuk tindakan sewajarnya.

9. Hak dan tanggungjawab pelajar.

Pelajar-pelajar di sekolah diberikan tanggungjawab dan peranan yang bertujuan untuk meningkatkan imej sendiri pelajar.

10. Permuafakatan sekolah dan rumah.

Sekolah efektif menunjukkan penglibatan ibu bapa yang tinggi.

k. Organisasi Pembelajaran (A learning organization).

Sekolah efektif mempunyai kepala sekolah atau guru besar dan guru-guru yang sentiasa belajar untuk memperbaiki kemahiran masing-masing dalam pelbagai lapangan dengan mengamalkan budaya membaca.

Tulisan Yaakob bin Ederis, dalam penelitiannya yang berjudul “Sekolah Efektif Teras kejayaan Wawasan Pendidikan” di Persidangan Pendidikan Nasional Ke-Enam telah mencirikan sekolah efektif seperti berikut:

- a. Fungsi dan peranan Kepala sekolah/Guru Besar sebagai pemimpin pengajaran dan pembelajaran dapat dilihat dengan jelas dalam bentuk perancangan kurikulumnya yang strategik.
- b. Kepala sekolah/Guru Besar meletakkan harapan yang tinggi terhadap kejayaan akademik di samping kejayaan di bidang yang lain.
- c. Jabatankuasa kurikulum sekolah yang terdiri daripada Penolong Kanan, Ketua-ketua Bidang serta Ketua Panitia dapat diurus dan dikoordinasikan mengikut bidang dan peranan masing-masing.
- d. Jabatankuasa kurikulum ini dapat berfungsi sepenuhnya terutama dalam menentukan dasar dan pelaksanaan segala inovasi serta program dan aktiviti yang telah dijadualkan.
- e. Guru-guru dapat menerima dan melaksanakan pengajaran pembelajaran yang berpusatkan murid. Guru berada dalam keadaan sentiasa berusaha memperbaiki serta memudahcarakan pengamalan-pengamalan pengajaran pembelajaran supaya menjadi lebih bermakna kepada muridmurid. Guru menggunakan berbagai kaedah kemahiran belajar bagi mewujudkan suasana pengajaran pembelajaran yang baik dan efektif.
- f. Semua murid walaupun mempunyai tahap pencapaian yang berbeza-beza, dapat dilayan dan diberikan ilmu pengetahuan serta kemahiran mengikut keupayaan dan kemampuan masing-masing dari segi akademik.
- g. Murid-murid mendapat masa belajar yang optima. Masa yang diperuntukkan untuk pengajaran dan pembelajaran digunakan oleh guru dengan efektif. Semua murid dapat merasai suasana pengajaran yang meyakinkan. Mereka mendapat peluang sepenuhnya mengikuti pengajaran individu disamping berkesempatan belajar secara berkumpulan. Mereka turut diberi tanggungjawab menyediakan suasana bilik darjah bersesuaian mengikut keperluan pengajaran pembelajaran sesuatu mata pelajaran.

Kesimpulannya setiap murid dapat merasai bahwa kehadiran mereka di dalam bilik darjah diperlukan.

- h. Sekolah Efektif berupaya memperlihatkan anjakan cara dan alat bantu tradisional kepada pendekatan dan bahan bantu mengajar yang lebih baik canggih. Pengajaran pembelajaran yang bergantung sepenuhnya kepada buku teks, kapur dan papan hitam dan berpusat dalam bilik darjah sepenuhnya akan

berganjak kepada penggunaan bahan media teknologi yang dapat disediakan pihak sekolah berdasarkan kewangan yang ada.

Pengurusan kewangan efektif wang peruntukkan pemerintah dan sumbangan kewangan dari sumber-sumber lain yang memberi keutamaan kepada penyediaan bahan bantu mengajar akan mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang dikehendaki bersesuaian dengan matlamat pencapaian akademik sekolah. Penggunaan komputer dan pendekatan memperoleh informasi menerusi internet misalnya dikira suatu penambahan dan anjakan dalam pendekatan untuk meningkatkan mutu dalam pengajaran dan pembelajaran.

I. Ibubapa/penjaga murid Sekolah Efektif dapat melibatkan diri secara positif dalam pembelajaran murid. Mereka mengambil rasa tanggungjawab sepenuhnya membuat semakan buku tulis, kerja rumah serta kerja kursus serta mengadakan hubungan dua hala dengan pihak sekolah.

Ini bermakna ibubapa bukan sahaja hadir ke sekolah pada hari yang dikehendaki seperti hari menandatangani rekod kemajuan anak tetapi hadir membincangkan kemajuan akademik anak apabila mereka merasa perlu berbuat demikian. Suasana ini dapat wujud dengan baik kerana kedua-dua pihak ibubapa dan guru sama-sama bersedia secara terbuka dan ikhlas menerima hakikat ini demi mempertingkatkan pencapaian murid. Dengan ini Sekolah Efektif mampu memperlihatkan sistem ujian dan penilaian yang sempurna kerana keputusannya akan menjadi bahan perbincangan untuk menjana tanggungjawab bersama yang perlu dilaksanakan.

j. Sekolah Efektif juga harus melaksanakan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Inovasi yang dilakukan perlu mempunyai sifat boleh menambah minat, mempermudah kefahaman ilmu menerusi proses pengajaran dan pembelajaran yang mudah diterima dan diikuti serta dapat memungkinkan berlakunya persefahaman di antara murid dan guru. Inovasi amat penting sebagai strategi dalam pengajaran dan pembelajaran Menurut Glasser (1998) terdapat enam ciri untuk mencapai tahap sekolah berkualiti atau sekolah efektif yaitu:

1. Semua masalah disiplin dan bukannya insiden dihindarkan dari sekolah dalam tempoh dua tahun. Masalah-masalah ini seharusnya menurun secara signifikan dalam tempoh setahun.
2. Apabila sekolah telah mencapai tahap sekolah berkualiti, pencapaian pelajar seharusnya bertambah baik berbanding masa lalu.
3. Pelajar mempamerkan bakat dan ketrampilan kepada guru-guru mereka dengan memperoleh kredit daripada guru-guru mereka. Konsep persekolahan digantikan dengan pendidikan yang berguna.
4. Semua pelajar melakukan kerja-kerja yang berkualiti. Semua hasil kerja akan menerima gred yang cemerlang. Oleh kerana itu mereka perlu berusaha memperolehinya. Jika hasil kerja belum mencapai tahap kualiti, guru-guru dan rakan-rakan pelajar membantu mereka untuk mencapai tahap tersebut.

A. Pengamalan Akhlak Kepala Sekolah dalam Pembentukan Sekolah Efektif

Di dalam mewujudkan Sekolah Efektif memerlukan proses yang panjang dan pendekatan yang bersesuaian. Hasil dari sekolah efektif ialah kejayaan atau

kejayaan sekolah berkenaan dalam beberapa bidang yang menjadi matlamat / targetnya utamanya.

Dalam kajian ini, perspektif Al-Ghazali yang akan diguna pakai untuk melihat dan menganalisis pengamalan akhlak Islam dalam kalangan kepala sekolah sekolah dasar Islam. Adapun perspektif Al-Ghazali yang diguna pakai adalah: *pertama*, teori dimensi akhlak yaitu untuk melihat apakah asumsi dasar yang digunakan untuk melihat konsep akhlak tersebut. Hal ini sangatlah penting kerana begitu banyak pendapat yang diguna pakai di dalam melihat akhlak secara utuh. *Kedua*, teori pengamalan akhlak yaitu sebuah teori yang akan diguna pakai untuk menganalisis seperti apakah model yang di guna pakai oleh kepala sekolah didalam melakukan sebuah pengamalan akhlak Islam. Selain dari kedua perspektif tersebut, juga akan dikemukakan atau dijelaskan beberapa perspektif lain yang berhubung kait dan/atau sebagai penyokong dalam kajian ini.

Untuk memperjelas kerangka konsep akhlak, kita boleh membincangkan dari sudut dimensi moral dalam perspektif Barat. Ada sekurang-kurangnya tiga dimensi atau aspek moral, yaitu pentaakulan moral, perasaan moral dan perlakuan moral. Ringkasnya, pentaakulan moral melibatkan pengetahuan atau pemikiran dan pertimbangan secara rasional dan bebas. Perlakuan moral pula dikaitkan dengan tingkah laku dan tindakan individu terhadap sesuatu keputusan yang ditunjukkan dengan penuh tanggungjawab, tetapi mengikut kemampuannya. Manakala perasaan moral ialah emosi dan kehalusan perasaan individu yang mengandungi sentimen, empati, dan simpati, prihatin, belas kasihan, bermotivasi altruistik dan murah hati. Semua kecenderungan dan perasaan ini akan mewujudkan perlakuan moral. Dia juga individu yang ada perasaan malu, takut dan mudah menyesal atau rasa bersalah jika melakukan sesuatu yang tidak bermoral (Peters, 1978). Perasaan ini akan menyebabkan individu itu tidak melakukan sesuatu yang bersifat antisosial. Oleh kerana itu, keupayaan dan kesanggupan mengalami emosi akhlak ialah suatu syarat perlu dan penting bagi insan bermoral baik (Spiecker, 1988)

Dalam kajian ini akan digunakan dua dimensi sahaja seperti yang dibincangkan oleh al-Ghazali (1974) dalam bukunya *Mizan al-Amal*, menegaskan bahwa secara epistemologi, ilmu pengetahuan terbahagi menjadi dua bahagian yaitu ilmu *nazhari* dan ilmu *amali*. Dari sini dapat dipahami bahwa al-Ghazali telah membahagi akhlak menjadi dua bahagian yaitu akhlak *nazhari* dan akhlak *amali* (al-Ghazali, 1974, 230). Gambaran sederhana daripada sistem akhlak Islam menurut al-Ghazali dapat dilihat pada diagram 1.1.




Diagram 1.1 Konsep Sistem Akhlak Islam

Sumber. Al-Ghazali (1974, 230)

Selain itu, kerangka konsep pengamalan akhlak Islam dalam kajian ini diasaskan pada teori yang dikemukakan oleh al-Ghazali dalam bukunya *Ihya' Ulumiddin* dan *Mizan al-Amal*. Dalam kerangka konsep tersebut telah dijelaskan bahwa proses pengamalan akhlak Islam terbahagi menjadi tiga fasa yang harus dilalui yaitu Fasa I – Pemahaman (*tafakkur*), Fasa II – Penghayatan (*Muraqabah dan Muhasabah*), dan Fasa III – Pengpengamalan (*Riyadhah*). Gambaran sederhana daripada sistem pengamalan akhlak Islam menurut al-Ghazali dapat dilihat pada diagram 1.2.




Diagram 1.1 Konsep Pengamalan Akhlak Islam

Sumber. Al-Ghazali (1974, 230)

Makna muraqabah adalah seseorang muslim itu akan merasai pengawasan Allah s.w.t dan merasai bahwa Allah s.w.t memerhatikan segala urusan kehidupannya siang dan malam, dan samada dalam keadaan rahsia atau terang-terangan, di depan atau di belakang manusia. Firman Allah s.w.t yang bermaksud: “sesungguhnya Allah sentiasa memerhati (mengawas) kamu.” (Surah An-Nisa’ : 1). Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: “Al-Ihsan adalah apabila engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihatNya, sekalipun engkau tidak dapat melihatNya, maka sesungguhnya Ia melihatmu.”

Muraqabah yaitu menghadirkan perasaan malu terhadap Allah s.w.t dan menghalang seorang hamba itu membuat dosa dan maksiat. Ia juga akan menambahkan keimanan dengan merasai kehadiran Allah swt. Muraqabah juga akan memberikan ketenangan dan kebahagiaan yang hakiki kerana seseorang hamba itu akan melakukan perkara yang sama samada dengan kehadiran manusia atau tanpa kehadiran manusia.

Ada kisah pada suatu hari ibnu Umar berjalan dan berjumpa dengan seorang hamba sedang mengembala kambing, maka dia bertanya dengan tujuan untuk menguji: “Jualkan seekor kambing kepadaku” hamba tersebut menjawab: “sesungguhnya aku adalah seorang hamba” maka ibnu Umar berkata : “beritahu tuanmu bahwa serigala telah memakannya”. Hamba tersebut menjawab : “maka bagaimana dengan Allah s.w.t”. Maka ibnu Umar membeli hamba tersebut dan membebaskannya seraya berkata : “Aku telah membebaskanmu kerana kalimah ini di dunia dan aku berharap Allah s.w.t akan membebaskanmu dengannya di akhirat kelak.”

Ketika zaman khilafah Umar r.a ketika beliau sedang keluar melihat rakyatnya beliau terdengar seorang ibu berkata kepada anak perempuannya : “pergilah kamu mencampurkan susu itu dengan air.” Maka pemuda tersebut menjawab : “Sesungguhnya Amirul Mukminin menegah daripada melakukannya.” Ibunya berkata : “Sesungguhnya Amirul Mukminin tidak melihat kita.” Pemuda tersebut menjawab : “Tetapi Allah s.wt melihat kita”. Umar r.a berasa kagum dengan pemuda tersebut dan telah mangahwinkannya dengan salah seorang daripada anaknya dan daripada keturunannya lahir khalifah Umar bin Abdul Aziz.

Makna mujahadah adalah menentang hawa nafsu daripada mengikut syahwatnya; yang sukakan kerehatan, ketenangan, kemalasan, tidur, makanan dan minuman yang enak, dan keterikatan dengan dunia dan perhiasannya. Mujahadah dilakukan dengan memutuskan nafsu daripada adat-adat kebiasaan, dan memberikannya keperluan-keperluan yang penting, serta memimpinnya kepada suruhan dan ketaatan kepada Allah. Tanpa memberi peluang kepada nafsu untuk menariknya ke belakang. Firman Allah yang bermaksud: “Dan mereka yang berjihad di (jalan) Kami pasti akan Kami tunjukkan jalan-jalan Kami dan sesungguhnya Allah bersama orang-orang yang berlaku ihsan”, dan firman Allah yang bermaksud: “Adapun orang yang takutkan keadaan semasa ia berdiri di mahkamah Tuhannya, (untuk dihitung amalannya), serta ia menahan dirinya dari menurut hawa nafsu, - Maka sesungguhnya Syurgalah tempat kediamannya.” (Surah An-Naaziat : 40,41).

Diantara contoh mujahadah:

Memanfaatkan nikmat waktu lapang dan kesihatan: "Ada dua macam kenikmatan yang keduanya itu disia-siakan oleh sebagian besar manusia yaitu kesihatan dan kelapangan waktu."

Menjadi seorang mukmin yang kuat iman dan tubuh badan: Kekuatan menjadikan seseorang mukmin mampu untuk mencapai matlamatnya di dalam kehidupan seperti dalam sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud: "Orang mu'min yang kuat adalah lebih baik dan lebih dicintai oleh Allah daripada orang mu'min yang lemah. Namun keduanya itupun sama memperoleh kebaikan. Berlumbalah untuk memperoleh apa saja yang memberikan kemanfaatan padamu dan mohonlah pertolongan kepada Allah dan janganlah merasa lemah."

Mengawal kehendak anggota: Tidak semua kehendak anggota manusia perlu ditunaikan agar kita tidak menjadi hamba kepadanya. Manusia yang berakal adalah mereka yang memeriksa dirinya seperti di dalam hadith yang bermaksud: "Orang yang cerdik - berakal - ialah orang yang memperhitungkan keadaan dirinya dan suka beramal untuk mencari bekal sesudah matinya, sedangkan orang yang lemah ialah orang yang dirinya selalu mengikuti hawanafsunya dan mengharap-harapkan kemurahan atas Allah - yakni mengharap-harapkan kebahagiaan dan pengampunan di akhirat, tanpa beramal shalih."

Memperbanyakkan sujud: Rabi'ah bin Ka'ab al-Aslami, khadam Rasulullah s.a.w. bersabda: "Memintalah padaku!" Saya berkata: "Saya meminta kepada Tuan untuk menjadi kawan Tuan di dalam syurga." Beliau s.a.w. bersabda lagi: "Apakah tidak ada yang selain itu?" Saya menjawab: "Sudah, itu sajalah." Beliau lalu bersabda: "Kalau begitu tolonglah aku - untuk melaksanakan permintaanmu itu - dengan memaksa dirimu sendiri untuk memperbanyak

bersujud - maksudnya engkaupun harus pula berusaha untuk terlaksananya permtntaan tersebut dengan jalan memperbanyak menyembah Allah s.w.t."

Makna muhasabah adalah Seorang insan menghitung dirinya atas segala pergerakannya atau diamnya supaya tidak sentiasa berada dalam kelalaian, atau berada lama dalam suatu maksiat, atau tidak menjurus kepada kerasnya hati dan penyakit jiwa. Kepentingan muhasabah: kita kini berada pada penghujung tahun, dan muhasabah merupakan salah satu cara tarbiyah Islam untuk memperbaiki diri, mendidiknya, dan mengangkatnya. Dengan muhasabah, seorang insan menghitung kesalahan dan maksiat-maksiatnya, dan mengetahui keadaan jiwanya sama ada sihat atau sakit, maka dia akan membimbing jiwanya ke jalan kemenangan, dan menjauhkannya dari jalan kecelakaan. Umar Al-Khattab r.a berkata : "Hitunglah diri kamu sebelum kamu dihitung, dan timbanglah pengamalanmu sebelum ditimbang untukmu."

Sekiranya seorang manusia melontarkan maksiat-maksiatnya ke dalam rumahnya necaya rumahnya akan penuh dalam masa yang singkat. Tetapi manusia sering meremehkan maksiatnya seperti di dalam firman Allah s.w.t yang bermaksud : "Allah telah menghitung amal-amal mereka itu satu persatu, sedang mereka telah melupakannya." (Surah Al-Mujadilah : 6)

Kerangka konseptual kajian ini (Diagram 2) bermula dengan menyelidiki pengetahuan akhlak Islam yang mengandungi dua bidang pengetahuan kepala sekolah yaitu mengenai akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah. (al-Ghazali, 1976). Akhlak mahmudah dalam kajian ini merujuk kepada pengetahuan akhlak mahmudah, konsep asas akhlak, dan cara mempertingkatkan pengamalan akhlak mahmudah berdasarkan peraturan menteri pendidikan nasional Indonesia nombor 13 tahun 2005 tentang kompetensi kepala sekolah. Manakala akhlak mazmumah pula berkaitan kepada pengetahuan akhlak mazmumah, dan cara menjauhi akhlak mazmumah.

Pengamalan akhlak Islam tersebut dikaji berasaskan Model Akhlak al-Ghazali oleh SMN al-Attas (2002) dan M 'Umaruddin (2007) yang diubah suai melalui empat komponen yaitu kefahaman, penghayatan (*muraqabah dan muhasabah*) dan pengpengamalan (*riyadhah*) (Lihat Diagram 1.3.)




Diagram 1.3: Kerangka Konseptual Pengamalan Akhlak dan Kepemimpinan Pendidikan dalam Pembentukan Sekolah Efektif

Berdasarkan Diagram 1.3, pada peringkat tafakkur, kepala sekolah SDI ditinjau pengetahuannya tentang akhlak mahmudah dan mazmumah dan pertalian mesra antara iman dan pengamalan akhlak. Kajian pada peringkat *muraqabah* dan *muhasabah* pula dilakukan dengan meneliti cara peserta kajian mengamalkan

akhlak mahmudah dan mazmumah berdasarkan asasnya. Peringkat ketiga adalah *muhasabah* dengan memberi perhatian kepada pengamalan akhlak secara zahir dan batin. Peringkat ketiga adalah *riyadhah* dengan memberi perhatian kepada latihan pengamalan akhlak yang relevan ke arah pembinaan kompetensi kepala sekolah yaitu kompetensi keperibadian dan sosial, dan pembentukan sekolah efektif.

B. Kesimpulan

Sekolah efektif mempunyai ideology yang jelas dan murni yang membandingkan organisasinya dari tekanan-tekanan luar yang kuat dan tidak dapat dipastikan. Oleh karena itu, pengamalan akhlak Islam kepala sekolah mempunyai peran penting dalam mengatasinya dan memberi kesan pula terhadap pencapaian standard kompetensi kepala sekolah serta dalam pembentukan sekolah efektif. Sekolah efektif adalah tanggungjawab semua pihak. Pendekatan yang bersepadu dan bersinergi daripada pemimpin sekolah bersama stafnya adalah kritikal untuk menghasilkan kecemerlangan yang diharapkan.

C. Bibliografi

- Ab. Halim Tamuri (2007). Islamic education teachers' perceptions of the akhlaq in Malaysian secondary schools. *Journal of Moral Education*, 36 (3), hlm. 371.
- Abdul Shukor Abdullah (1995, Julai 13-14). Membina sekolah efektif: Aplikasi dasar. Kertas kerja Seminar Sekolah Efektif, Institut Aminuddin Baki, Genting Highlands, Pahang.
- Ahmad Ibrahim Abu Sin (1991). *Pengurusan dalam Islam*. Kuala Lumpur: DBP.
- Bass, B. M. (1990). *Bass & Stogdill's handbook of leadership: Theory, research & management applications*. New York: Free Press.
- Conger, J. A., & Kanungo, R. N. (1998). *Charismatic leadership in organizations*. Thousand Oaks, CA: Sage.
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1986). *Kamus dewan*. Kuala Lumpur: DBP
- Dewan Bahasa dan Pustaka (1999). *Kamus dwibahasa*. Kuala Lumpur: DBP
- Edmonds, R. (1979). Effective schools for the urban poor. *Educational Leadership*, 40(3),4-11.
- Fathi Yakan (2001). *Al-Athar al-mutarattibah 'ala qaibathi al-qiyadah ar-rasyidoh almursyidah*. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Kepimpinan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Gardner, W. L., & Avolio, B. J. (1998). The charismatic relationship: A dramaturgical perspective. *Academy of Management Review*, 23, 32-58.
- Al-Ghazali, (1973), *Ihya Ulumuddin*, Beirut: Darul Fikr.
- , *Mizan al-Amal*, Beirut: Darul Fikr.
- HishamAl-Talib (1992). *Panduan latihan bagi petugas Islam*. Kuala Lumpur: Nurin.

- Meindl, J. R. (1990). On leadership: An alternative to the conventional wisdom. Dalam B.
- M. Staw & L. L. Cummings (Sid. Ed.), *Research in organizational behavior*, J. 12. Greenwich, CT: JAI Press.
- Wahbah Zuhaili (2001). *Al-Qiyadah al- 'alam al-Islami al-hadir wa al-mustaqbal*. Kertas kerja Seminar Antarabangsa Kepimpinan Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Wan Hasmah Wan Mamat (1993). Pelaksanaan pendidikan moral di sekolah: Arah dan cabaran bagi guru-guru. *Pendidikan di Malaysia: Arah dan Cabaran (Penerbitan Khas)*. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, hlm. 14-20.
- Wan Hasmah Wan Mamat (2002). *Pembelajaran interaktif dalam pendidikan moral: Cabaran bagi guru*. Kertas kerja yang dibentangkan dalam Seminar Pendidikan Moral: Tren dan Hala Tuju pada 22 – 23 Julai 2002 di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.
- Wan Hasmah Wan Mamat (2000). *Values education in Malaysia schools: Facing the challenges of government policy in vision 2020*. Tesis Ed.D yang tidak diterbitkan, Monash University, Australia.
- Yukl, G., & Van Fleet, D. D. (1992). Theory and research on leadership in organizations. Dalam M. D. Dunnette & L. M. Hough (Sid. Ed.), *Handbook of industrial and organizational psychology*, J. 3 (ms. 47-97). Palo Alto, CA: ConsultingPsychologists Press.
- Yukl, G. (1998). *Leadership in organizations (Edisi ke-4)*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.